

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mohon izin untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh YB KLANG mengenai status rundingan dan analisis kos faedah.

Sepertimana tersedia maklum, mesyuarat Menteri-Menteri Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) di Atlanta, Amerika Syarikat dari 30 September hingga 5 Oktober 2015 telah berjaya menyelesaikan semua isu-isu tertunggak dan seterusnya berjaya memuktamadkan Perjanjian TPPA.

Teks penuh Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) telah dihebahkan kepada umum pada jam 3 petang Khamis, 5 November 2015. Teks tersebut mengandungi 30 bab dan melebihi 6,000 muka surat termasuk jadual dan Annexes. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) juga telah muat naik *Frequently Asked Questions* (FAQ), dengan izin, di laman sesawang MITI bagi memudahkan orang ramai lebih memahami kandungan TPPA.

Hasil kajian kos-manfaat oleh Institute Strategic and International Studies (ISIS) dan PricewaterhouseCoopers (PwC) mengenai TPPA akan didedahkan kepada umum dalam tempoh sekurang-kurangnya 2 minggu, sebelum dibentangkan bersama teks penuh TPPA di Mesyuarat Parlimen

akan datang dalam satu sesi khas selama 2 hari pada pertengahan bulan Januari 2016.

Sungguhpun dalam sistem yang sedia ada, Kerajaan boleh membuat keputusan untuk memeterai perjanjian tersebut tanpa membawa ke Parlimen, namun, Kerajaan berpandangan bahawa perkara ini amat penting dan wajar diteliti bersama ahli-ahli Yang Berhormat yang mewakili suara dan pandangan seluruh pelosok Malaysia.

Setelah proses Parlimen ini selesai, Kerajaan akan memberi pertimbangan sewajarnya berdasarkan maklum balas yang diperoleh sama ada untuk menandatangani perjanjian TPP. Walau bagaimanapun perjanjian TPP hanya akan berkuat kuasa selepas proses ratifikasi yang dijangka akan mengambil masa selama dua tahun. Oleh yang demikian tempoh masa yang paling cepat di mana TPPA akan berkuat kuasa dijangka pada tahun 2017 atau 2018.

Sekali lagi saya ingin menyampaikan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana begitu prihatin terhadap perkembangan TPPA dan peluang yang diberi kepada Kerajaan untuk menerangkan TPPA di dewan yang mulia ini.

Sekian, terima kasih.